

UCAPAN ALUAN

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR**

TAKLIMAT KESELAMATAN DAN ANCAMAN GERAKAN MILITAN IS

**30 MAC 2015 (ISNIN)
DEWAN BESAR
9.00 PAGI**

Bismillahirahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

SALUTASI

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron
Ketua Menteri Melaka

Yang Berhormat Datuk Wira Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Yang Berhormat Datuk Wira Haji Md Yunos bin Husin

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi

Exco-Exco Kerajaan Negeri Melaka, Ahli- ahli Dewan Undangan Negeri Melaka,

Yang Berbahagia Datuk Senior Asistan Komisioner Haji Rosly bin Abas

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan Kerusetiaan Cawangan Khas Bukit Aman.

Y.Bhg. Profesor Dr. Mohd. Razali bin Muhamad

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Izaidin Bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Para Pelajar, Hadirin dan Hadirat Sekalian.

1. Alhamdulillah, rasa kesyukuran kita titipkan ke hadrat Allah SWT kerana telah diberikan oleh-Nya kesempatan untuk kita semua berkumpul pada pagi yang indah di dalam majlis **Taklimat Keselamatan dan Ancaman Gerakan Militan IS**.
2. Di kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka ke majlis taklimat pada pagi ini. Bulan lepas, YAB Datuk Seri

baru sahaja datang ke UTeM bagi perhimpunan bulanan kerajaan Negeri Melaka pada 09 Februari 2015, dan pada pagi ini sekali lagi kita dapat bersama-sama dengan YAB Datuk Seri untuk tujuan yang berbeza pula. Terima kasih YAB Datuk Seri kerana sudi hadir dan meluangkan masa untuk bersama-sama kita dalam taklimat ini. Saya juga ingin mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana sudi meluang masa, seterusnya berkongsi maklumat berkenaan Keselamatan dan Ancaman Gerakan Militan IS.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

3. Kebelakangan ini, negara telah dikejutkan dengan pelbagai insiden yang meninggalkan kesan mendalam, antaranya kehilangan MH370

yang masih menjadi tanda tanya, insiden menyayat hati MH17, diikuti pula dengan bencana banjir besar yang melanda di kebanyakan negeri di pantai timur dan utara, dan kini, kita dikejutkan pula dengan perwujudan kumpulan militan Negara Islam, atau Islamic State (IS) yang semakin berkembang dengan kekuatan yang dikuasai. Apa yang menggemparkan ialah apabila kumpulan gerakan militan ini turut disertai oleh warga negara kita.

4. Berdasarkan laporan dari media massa dan elektronik, pergerakan kumpulan militan ini semakin mendapat sokongan padu dan penyertaan tinggi yang bukan sahaja dari negara-negara Teluk Arab malah negara-negara barat seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman dan lain-lain lagi.

5. Namun begitu, ada di kalangan masyarakat kita masih keliru dan tidak jelas akan tujuan dan hala tuju penubuhan kumpulan ini, sehingga menyebabkan mereka sukar untuk membezakan sama ada penubuhan kumpulan militan ini menyumbang kepada kebaikan ataupun sebaliknya. Di sebalik kekaburuan ini, ada di kalangan masyarakat kita yang menyambut baik penubuhan kumpulan dan gerakan militan ini, malah lebih membimbangkan, terdapat di kalangan mereka khususnya golongan belia yang menanam hasrat untuk menyertai kumpulan gerakan ini secara diam, tanpa mengambil kira kesan-kesan buruk yang bakal dihadapi.
6. Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai pusat penjanaan ilmu yang menempatkan lebih daripada 11,000 pelajar tidak terkecuali dengan kebimbangan ini, apatah lagi dalam zaman kepesatan

teknologi canggih masa kini yang serba pantas dalam menyebarkan pelbagai maklumat yang masih belum tentu kesahihannya khususnya melalui laman sesawang sosial seperti Facebook, Youtube dan lain-lain lagi. Ianya secara tidak langsung, akan memberi kesan negatif kepada generasi muda yang menyebabkan mereka mudah terdedah dan terpengaruh dengan ajakan serta tindakan dalam sesuatu perkara yang mungkin boleh mendatangkan keburukan kepada diri sendiri. Namun, dalam konteks kumpulan militan IS, penglibatan dalam gerakan ini akan turut memberi kesan buruk kepada keluarga, institusi pengajian tinggi, bangsa dan negara.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

7. Justeru, atas rasa penuh tanggungjawab dan prihatin, pihak Kerajaan Negeri Melaka di bawah Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi dengan kerjasama pihak PDRM telah mengaturkan sesi taklimat yang penting ini. Diharapkan menerusi sesi taklimat ini, hadirin dan hadirat akan mendapat pencerahan dan pemahaman yang mendalam berkenaan bahaya dan ancaman Kumpulan Gerakan Militan Negara Islam ini, disamping dapat meningkatkan lagi semangat patriotik dan cintakan negara bagi memastikan keamanan serta kedamaian negara yang telah kita kecapi selama ini terus dijaga dengan baik.

8. Akhir kata, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka di atas kesudian untuk hadir dan pihak Polis Diraja Malaysia kerana sudi untuk berkongsi maklumat dalam sesi taklimat sebentar lagi.

Dengan itu, saya akhiri ucapan saya dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.